



Quiz Terkumpul Ramadhan Minggu 1

Nyatakan hukum bagi situasi-situasi berikut:

1. Menelan air liur yang bercampur dengan debu tepung
2. Berpuasa pada 9 Zulhijjah
3. Mandi wajib selepas terbit fajar
4. Berbekam ketika berpuasa

Nyatakan hukum beserta dengan cara penyelesaian bagi situasi-situasi berikut:

1. Ahmad telah bersetubuh dengan isterinya sebanyak dua kali pada waktu siang hari pada bulan Ramadhan
2. Semasa pembedahan, buasir Aminah telah dimasukkan semula kedalam duburnya dalam keadaan dia berpuasa

Syarat Pertandingan:

1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang menetap di Australia samada belajar ataupun sudah bekerja.
2. Peserta perlu mengumpulkan kesemua empat siri kuiz yang akan diedarkan beserta Risalah Al-Qalam mingguan istimewa sepanjang bulan Ramadhan 1429H terbitan Unit Kerohanian Malaysia Hall Residents Club.
3. Seorang peserta dibenarkan menghantar satu penyertaan sahaja.
4. Warga kerja Al-Qalam tidak dibenarkan menyertai Kuiz Ramadhan 1429H MHRC ini.
5. Kesemua jawapan perlu dihantar beserta borang penyertaan kepada Urusetia Kuiz Ramadhan 1429H MHRC samada bertulis tangan, dicetak atau dalam bentuk email kepada Faizan Ishak (littlekhalifah87@gmail.com). Borang akan disediakan pada Al-Qalam siri keempat bulan Ramadhan.
6. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 28 Ramadhan 1429H bersamaan dengan 28 September 2008 (Ahad).
7. Pemilihan pemenang adalah berdasarkan ketepatan jawapan soalan kuiz dan kreativiti cogan kata yang diberikan. Klu cogan kata akan diberikan pada Kuiz Ramadhan 1429H MHRC siri keempat nanti.
8. Pemenang akan menerima hadiah berupa wang tunai dalam matawang Dollar Australia.
9. Keputusan pengadil adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.

Sebarang komen atau sumbangan berbentuk artikel dan hasil penulisan boleh berhubung terus dengan Little Khalifah(littlekhalifah87@gmail.com). Kerjasama dan bantuan anda didahului dengan ucapan terima kasih. Jazakallah Khair...



AI - QALAM



Selamat Datang Bulan Ramadhan

Dari Meja Editor....



Alhamdulillah Al-Qalam terbitan MHRC ini sudah menjangkau setahun terbitannya. Kami dari kumpulan al-Qalam ingin merakamkan terima kasih kerana masih lagi menantikan risalah yang rata-rata mendapat sambutan yang meyakinkan. Di bulan Ramadhan ini kami mem-

bawakan perubahan dimana risalah diedarkan melalui email supaya seluruh umat Islam di Australia khususnya dapat bersama-sama membaca Al-Qalam. Kami juga mengharapkan komen dari pembaca supaya dapat memantapkan penerbitan Al-Qalam. Kami di Al-Qalam mendoakan seluruh umat Muhammad di Australia mendapat keberkatan di bulan yang mulia ini. Amin.

Little Khalifah

Anda ingin bergaya di Hari Raya ?
Sertailah Kuiz Bonanza Ramadan
Dan menangilah hadiah menarik.
Maklumat lanjut ada di dalam.
Selamat Mencuba



RAMADAN BULAN MEMERANGI NAFSU DAN MENGUJI KEIMANAN

Didalam bulan mulia inilah telah difardhukan ibadah puasa ke para nabi dan Rasul sebelum ianya difardhukan ke atas kita ummat nabi Muhammad s.a.w. Ini adalah kerana dengan menjalani ibadah puasa seseorang muslim itu akan terdidik jiwanya, menjadi lebih bertakwa kepada Allah dan mampu menjadi benteng dari godaan syaitan dan hawa nafsu yang sukar dikawal, dimana syaitan tidak pernah jemu-jemu menghasut manusia untuk melakukan kejahatan dan perbuatan mungkar.



Kehidupan manusia tidak dapat lari daripada dua persimpangan jalan. Dua persimpangan tersebut ialah runtunan hawa nafsu yang sentiasa menggila dan keimanan yang mantap terhadap Allah s.w.t. untuk memilih dua jalan ini manusia dibekalkan akal oleh

Allah bagi menilai, mana yang lebih baik diantara keduanya.

Jika kita mampu memerangi dan melawan kehendak hawa nafsu, bererti ibadah puasa yang kita kerjakan berjaya mendidik dan membimbing diri kita menuju ke arah jalan yang benar dan mendapat kerdhaan Allah s.w.t. dengan katalain kita bolehkah disifatkan sebagai orang yang berjaya melepasi ujian dalam menilai tahap mana kedudukan keimanan kita, tetapi jika sebaliknya yang berlaku bermakna kita telah gagal dan kecundang dalam ujian dan sekaligus menjadikan diri kita ini sebagai orang yang bukan sahaja rugi di dunia, bahkan juga rugi di akhirat.

Ini bertepatan sekali dengan Firman Allah didalam surah Yusuf ayat 35 :

﴿ وَمَا أُبْرِيءُ نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّي ﴾

﴿ عَفُورٌ رَحِيمٌ ﴾

Maksudnya : " dan tiadalah aku bebaskan diriku, sesungguhnya nafsu itu suka menyuruh kepada yang buruk, kecuali orang yang diberi rahmat oleh Tuhanku, sesungguhnya Tuhanku amat pengampun lagi amat penyayang.

Setelah mana kita bersungguh-sungguh dan bermujahadah melawan hawa nafsu pada bulan yang mulia ini, marilah kita memperbanyakkan lagi amal ibadah kita dengan mengisi ruang-ruang yang ada seperti bersolat tarawih, bertadarus, bersedekah, membaca al-Quran, beriktikaf, menuntut ilmu dan sebagainya untuk meningkatkan keimanan kita sebelum bertawakal kepada Allah didalam usaha mencari keredhaanNya.

Moral stories for ta'lim



BEAUTIFUL GIFT!

A young man was getting ready to graduate college. For many months he had admired a beautiful sports car in a dealer's showroom, and knowing his father could well afford it, he told him that was all he wanted.

As Graduation Day approached, the young man awaited signs that his father had purchased the car. On the morning of his graduation his father called him into his private study. His father told him how proud he was to have such a fine son, and told him how much he loved him. He handed his son a beautiful wrapped gift box. Curious, but somewhat disappointed the young man opened the box and found a lovely, leather-bound Holy Qur'an. Angrily, he raised his voice at his father and said, "With all your money you give me a Holy book?" and stormed out of the house, leaving the holy book.

He never contacted his father again for long-long time. Many years passed and the young man was very successful in business. He had a beautiful home and wonderful family, but realized his father was very old, and thought perhaps he should go to him. He had not seen him since that graduation day. Before he could make arrangements, he received a telegram telling him his father had passed away, and willed all of his possessions to his son. He needed to come home immediately and take care things.

When he arrived at his father's house, sudden sadness and regret filled his heart. He began to search his father's important papers and saw the still new Holy Qur'an, just as he had left it years ago. With tears, he opened the Holy Qur'an and began to turn the pages. As he Read those words, a car key dropped from an envelope taped behind the Holy Qur'an. It had a tag with the dealer's name, the same dealer who had the sports car he had desired. On the tag was the date of his graduation, and the words PAID IN FULL.

PERINGATAN RAMADHAN

Batal Puasa Kerana Muntah Dengan Sengaja :

€ Kalau dia tahu sengaja muntah itu-HARAM hukumnya

£ Dengan keinginannya sendiri sekalipun yakin muntah tak masuk semula dalam perutnya.